

PM AJAK RAKYAT JADIKAN BUKU TEMAN HIDUP

JAN 22 JAN 1988

KUALA LUMPUR 21 Jan. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini melancarkan Tahun Pembaca 1988 dengan ingatan bahawa melalui buku dan pembacaan akan dapat dibentuk suatu budaya, tradisi nilai dan pemikiran bangsa yang akan menjadi asas kekuatan bangsa dan negara.

Perdana Menteri mengajak seluruh rakyat menjadikan buku sebagai teman hidup sehari-hari kerana buku adalah jambatan ilmu yang dapat menghubungkan mereka dengan alam persekitaran, dengan masyarakat dan negara sendiri serta dunia luar.

“Rakyat yang lebih berpengetahuan akan menjadi lebih waras dan lebih cekap dalam mempertimbangkan reaksinya terhadap segala kejadian dan tindakan yang mempunyai kesan kepada diri mereka kepada masyarakat,” katanya.

Berucap, melancarkan Tahun Pembaca 1988 yang bertemakan “Membaca Jambatan Ilmu” melalui radio dan televisyen malam ini Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan pada zaman di mana segala ilmu dibukukan dan banyak terdapat kemudahan membaca tidak ada alasan bagi mana-mana masyarakat menjadi jahil.

Perdana Menteri berkata rakyat di negara yang ingin maju mestilah faham dengan lebih luas akan

perkembangan-perkembangan yang mempunyai kesan terhadap kehidupan mereka.

“Ini bermakna kefahaman sedikit sebanyak berkenaan alam sekeliling, sejarah, sains, teknologi dan agama,” ujarnya.

Menurutnya, masyarakat yang jahil tidak akan mengesepi kebahagiaan kerana mereka akan ditindas, diperalat dan diperhambakan oleh orang berpengetahuan serta menjadi masyarakat yang tidak bermaruah.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, di Malaysia di mana pelajaran asas boleh didapati secara percuma kegagalan untuk menimba ilmu daripada buku-buku tidak boleh dipertahankan.

Beliau kesal kerana maklumat yang diperolehi menunjukkan ramai para pelajar di negara ini hanya membaca buku teks mereka sahaja manakala sebahagian besar dari mereka yang tamat pelajaran di semua

peringkat tidak membaca buku lagi.

Menurutnya ramai orang suka membaca tetapi menghadapi masalah tidak tahu apakah buku-buku terutama buku-buku baru yang diterbitkan kerana maklumat atau publisiti mengenainya tidak mencukupi.

Sebagai salah satu langkah Perdana Menteri mengesyorkan supaya Majlis Kemajuan Buku Kebangsaan (MKBK) atau persatuan penerbit buku mengeluarkan katalog buku baru tiap-tiap tahun untuk diedarkan percuma atau dijual dengan harga berpatutan.

Beliau juga berpendapat adalah baik buku-buku umum untuk bacaan orang ramai diterbitkan dalam bentuk yang murah misalnya edisi “paperback”.

Di samping itu, katanya, lebih banyak buku terjemahan bahasa-bahasa asing hendaklah diterbitkan.